

## BAGAIMANAKAH KONTRAK NIAGA HADAPAN DISELESAIKAN




### PENYELESAIAN KONTRAK NIAGA HADAPAN

KONTRAK DERIVATIF HANYA BOLEH DISELESAIKAN SAMA ADA MELALUI PENYELESAIAN TUNAI ATAU FIZIKAL. ANDA BOLEH MENUTUP KEDUDUKAN DAGANGAN ANDA PADA BILA-BILA MASA SEBELUM ATAU SEHINGGA KONTRAK TAMAT. SILA SEMAK PERINCIAN KONTRAK NIAGA HADAPAN DI LAMAN WEB BURSA MALAYSIA.

#### APA ITU PENYELESAIAN TUNAI

Penyelesaian tunai ialah kaedah penyelesaian yang digunakan dalam kontrak niaga hadapan tertentu apabila anda tidak perlu membuat atau menerima aset pendasar pada masa tamatnya kontrak niaga hadapan. Sebaliknya, akaun anda didebitkan atau dikreditkan dengan wang tunai.

Penyelesaian tunai adalah untuk kontrak niaga hadapan yang mempunyai aset pendasar bukan fizikal. Sebagai contoh, kontrak niaga hadapan indeks seperti FKLI & FM70 menggunakan penyelesaian tunai.



#### APAKAH PENYELESAIAN FIZIKAL

Penyelesaian fizikal memerlukan anda menghantar atau menerima aset pendasar semasa tamatnya kontrak niaga hadapan. Biasanya penghantaran fizikal ditentukan dalam kontrak niaga hadapan yang aset pendasar adalah komoditi fizikal contohnya Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO) menggunakan penyelesaian fizikal. Ramai pelabur menutup kedudukan niaga hadapan mereka sebelum tarikh penghantaran untuk merealisasikan keuntungan atau kerugiannya. Kebanyakan pedagang ini biasanya ialah spekulator yang mahukan keuntungan dan tidak berniat untuk menerima penghantaran sebenar.

## BILAKAH KONTRAK NIAGA HADAPAN TAMAT?



**BULAN PENGHANTARAN**

Bulan yang ditetapkan dalam kontrak penyelesaian tunai atau fizikal.

**BULAN TERKINI**

Bulan kontrak niaga hadapan yang paling hampir dengan tarikh tamat tempoh.

#### HARI TAMAT TEMPOH DERIVATIF

	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN
FCPO	15 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	14 <sup>th</sup>
FKLI	31 <sup>st</sup>	28 <sup>th</sup>	29 <sup>th</sup>	30 <sup>th</sup>	31 <sup>st</sup>	28 <sup>th</sup>
	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
FCPO	15 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	13 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	15 <sup>th</sup>	13 <sup>th</sup>
FKLI	31 <sup>st</sup>	30 <sup>th</sup>	30 <sup>th</sup>	31 <sup>st</sup>	29 <sup>th</sup>	31 <sup>st</sup>

Kalendar perdagangan lengkap untuk semua produk derivatif boleh didapati di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

#### SIAPAKAH YANG MEMANTAU DAN MEMASTIKAN PENYELESAIAN FIZIKAL DILAKUKAN SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH?

Bursa Malaysia Derivatives Clearing Berhad.



HARI TAMAT TEMPOH

#### HARI TAMAT TEMPOH DERIVATIF

Sebelum hari tamat tempoh, pelabur perlu memutuskan apa yang perlu dilakukan, sama ada untuk menutup kedudukan atau meneruskan kontrak.

NOTA

- Lazimnya kontrak FCPO akan tamat pada setiap 15 hari bulan.
- Kontrak yang berbeza mempunyai tarikh tamat tempoh yang berbeza.



Penafian:

"Maklumat yang disediakan dalam risalah ini adalah untuk tujuan umum sahaja. Maklumat yang terkandung bukanlah nasihat undang-undang, kewangan, perdagangan atau pelaburan. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan/atau merujuk pada undang-undang, peraturan dan kaedah yang berkaitan sebelum membalas atau mengambil sebarang tindakan berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia dan anak-anak syarikatnya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad tidak menerima apa-apa liabiliti walau apapun yang timbul, termasuk apa-apa liabiliti yang timbul daripada apa-apa keputusan yang dibuat atas dasar maklumat ini."